

# Kerajaan bantu penginapan waris, urus jenazah

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
athirjmail@mediamulia.com.my

**KLANG:** Pengurusan jenazah kesemua 10 mangsa nahas jet eksekutif dekat Persiaran Elmina, Shah Alam kelmarin akan dibantu oleh kerajaan termasuk penginapan dan urusan pengebumian.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas beliau bertemu ahli keluarga mangsa nahas yang menunggu di luar pekarangan Jabatan Perubatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang di sini.

“Apa yang boleh dilakukan sekarang adalah mempercepatkan proses forensik dan pengecaman. Sebaik sahaja selesai, semua akan diuruskan oleh kerajaan sama ada daripada majlis agama, kerajaan negeri dan jabatan berkenaan, kita akan bantu untuk meringankan beban keluarga mangsa.

“Sekarang ini kita beri semua bantuan diperlukan untuk uruskan jenazah, kelengkapan, penginapan dan semua yang selain daripada itu terutama bagi keluarga yang tidak mempunyai pekerjaan tetap,” katanya kepada pemberita.

Beliau yang tiba kira-kira



**ANWAR** Ibrahim menenangkan waris mangsa nahas jet eksekutif di Elmina, Shah Alam, ketika menziarahi ahli keluarga yang menunggu proses bedah siasat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Selangor, semalam. - **UTUSAN/AFIQ RAZALI**

pukul 12.50 tengah hari mengucapkan takziah kepada keluarga terlibat dan minta mereka bersabar.

Dalam nahas 2.40 petang kelmarin, 10 orang maut apabila pesawat Beechcraft Model 390 (Premier 1) yang dalam perjalanan dari Langkawi, Kedah menuju ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang terhempas di Persiaran Elmina tidak jauh dari lapangan terbang itu.

Turut terbunuh ialah Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelangai, Datuk Seri Johari Harun serta seorang penunggang motosikal dan pemandu kereta yang kebetulan berada di Persiaran Elmina berhampiran susur masuk Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE).

Dalam pada itu, Anwar turut menghargai petugas agensi kerajaan dan daripada badan kebajikan bukan kerajaan yang membantu ahli keluarga mangsa serta melancarkan pengendalian nahas tersebut.